

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 24 OKTOBER 2016

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada penangguhan pembayaran pampasan Hilang Upaya Sementara selepas jangka masa 6 bulan atas alasan menunggu Laporan Perubatan merupakan pencabulan hak pekerja yang termaktub dalam seksyen 15 (a) Akta Perkeso.

PR-1343-L75649

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Faedah Hilang Upaya Sementara adalah salah satu faedah di bawah Skim Bencana Kerja yang akan dibayar kepada Orang Berinsurans yang terlibat dengan kemalangan dan disahkan sebagai bencana kerja. Orang Berinsuran ini akan layak mendapat faedah jika diberikan sekurang-kurangnya 4 hari cuti sakit oleh doktor yang

merawatnya. Faedah ini akan diteruskan selagi mana pekerja berkenaan diberikan cuti sakit sepanjang tempoh rawatan berkenaan.

2. Walau bagaimanapun, ada had maksimum cuti sakit yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan (Am) keselamatan Sosial 1971 di mana Peraturan 75 (1) b memperuntukkan PERKESO boleh merujuk kepada Jemaah Doktor bagi menentukan seseorang itu telah mencapai *Maximum Medical Improvement (MMI)* apabila cuti sakit telah mencapai 180 hari. Oleh yang demikian, laporan perubatan adalah keperluan wajib sebelum Jemaah Doktor membuat sesuatu keputusan untuk menentukan seseorang itu layak untuk mendapat Faedah Hilang Upaya Kekal.

3. Tindakan ini bukanlah satu pencabulan hak pekerja kerana kuasa ini diperuntukkan di bawah Akta dan Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja 1971 iaitu di bawah Peraturan 75(1) b. Ia juga untuk membolehkan pekerja mendapat pertimbangan daripada Jemaah Doktor bagi mendapat faedah yang lebih baik.

4. Seksyen 15(a) seperti yang dirujuk oleh YB adalah tidak berkaitan dengan Faedah Hilang Upaya Sementara, sebaliknya ia adalah berkaitan dengan Pencen Ilat. Seksyen yang tepat adalah seksyen 22(a) dan Peraturan 75(1) b, Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 iaitu berkaitan dengan Faedah Hilang Upaya Sementara.